

Jenis Akhbar : Berita RTM
Tarikh : 18/06/2022
Edisi / Muka Surat : <https://berita.rtm.gov.my/>
Tajuk : Noh ketuai delegasi koperasi Malaysia ke ICA di Sepanyol

Noh ketuai delegasi koperasi Malaysia ke ICA di Sepanyol



SHAH ALAM, 18 Jun - Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) Tan Sri Noh Omar akan mengetua delegasi koperasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) di Seville, Sepanyol yang bermula esok hingga 22 Jun ini.

Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), Halim Ibrahim berkata sebanyak 312 buah koperasi dari 112 buah negara bakal menyertai perhimpunan agung dan persidangan yang bertemakan "ICA Cooperatives: The Moment Is Now!".

Persidangan itu diadakan bagi membincangkan dasar dan hala tuju koperasi serta kolaborasi dalam perkongsian ilmu, kepakaran, teknologi, budaya agar sektor koperasi kekal relevan dalam memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat dan komuniti.

Dalam satu kenyataan di sini, Halim berkata Noh yang juga berada di sana untuk lawatan kerja sehingga 24 Jun dijadual mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Transformasi Digital Sepanyol, Nadia Calviño Santamaría.



(Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) Tan Sri Noh Omar/FOTO BERNAMA)

"Kunjungan hormat itu bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan membincangkan kerjasama pelbagai bidang yang boleh dijalankan khususnya dalam pembangunan gerakan koperasi dan keusahawanan," jelas Halim.

Selain itu, menteri itu akan mengadakan beberapa pertemuan bersemuka dengan pemimpin negara di Seville dan Madrid.

Di samping itu, menerusi lawatan kerja berkenaan ANGKASA akan turut memuktamadkan memorandum kerjasama dengan Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO) berkenaan pembekalan baja nano.

"Perjanjian memorandum ini akan memberi manfaat kepada koperasi yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri asas tani serta sektor perladangan," tambah Halim. - BERNAMA